

Perpustakaan digital sedia maklumat lebih cekap, berkesan

Oleh Jam'ah Shukri
jamia@bharu.com.my

LAZIMNYA apa saja bahan terbitan sama ada buku, tesis dan jurnal hanya boleh dibaca dalam bentuk cetakan. Tetapi dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), semua bahan itu boleh diperolehi dengan hanya sentuhan jari menerusi internet.

Penularan ICT itu juga memberi impak kepada kaedah penyimpanan bahan bacaan itu dalam bentuk digital. Bagi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang menyediakan perkhidmatan pinjaman pelbagai koleksi bahan ilmiah, juga sedang dalam perancangan mengaplikasikan sepenuhnya kaedah elektronik menerusi sistem perpustakaan digital untuk memudahkan capaiannya secara talian.

PNM kini agresif memodenkan perkhidmatannya sejajar dengan ledakan dunia ICT dan mampu membina daya kreativiti untuk memperkayakan kandungan digital tempatan dalam apa juga bidang termasuk bahan sejarah, kebudayaan dan warisan.

Kesungguhan PNM tidak terhenti di situ. PNM dengan kerjasama Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM) dan perpustakaan lain menganjurkan Persidangan Perpustakaan Digital kelima (DL5) bertemakan Malaysia Digital: Pembangunan Perpustakaan Digital di Seluruh Malaysia.

Persidangan tiga hari bermula semalam diadakan di Best Premier Seri Pacific Hotel, bertujuan menyebarkan maklumat mengenai status perpustakaan digital di negara ini; menyediakan platform pustakawan dan profesional ICT berbincang mengenai perkembangan teknologi berasaskan web dan perpustakaan digital; menggalak dan membina kreativiti untuk memperkaya kandungan digital tempatan serta merangka perpustakaan digital nasional.

Ketua Pengarah PNM, Raslin Abu Bakar, berkata sempena persidangan itu, Katalog Induk Kebangsaan (KIK), iaitu perkhidmatan atas talian yang dibangunkan di bawah Projek Digital Nasional akan dilancarkan sebagai salah satu langkah proaktif ke arah penyediaan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

Katanya, sistem KIK yang dibangunkan dengan kerjasama 101 perpustakaan di seluruh negara mampu memberi khidmat lebih cekap apabila pengguna hanya perlu mengakses menerusi internet untuk mendapatkan pelbagai maklumat.

Perpustakaan digital ini sudah pasti meningkatkan perkhidmatan penyampaian perpustakaan termasuk meminjam bahan bacaan dengan perpustakaan lain.

Sehingga ini, katanya, sistem itu berjaya membangunkan pangkalan data yang mengandungi tujuh juta rekod katalog bahan koleksi perpustakaan termasuk antara yang paling lama ialah buku diterbitkan pada 1886.

Semua usaha PNM itu dibincangkan secara menyeluruh dalam persidangan berkenaan yang memberi peluang kepada pustakawan profesional ICT membuat dasar, pembangunan kandungan digital dan penutut bidang sains perpustakaan dan pengurusan maklumat berkolaborasi ilmu, memberi pandangan dan pendapat bagaimana memperhebatkan sistem itu pada masa depan.

"Sejajar dengan pembangunan pesat era ICT pada masa ini, PNM yang menjadi peneraju perkhidmatan perpustakaan perlu bertaraf dunia dan bertanggungjawab memelihara khazanah warisan ilmu," katanya.

Raslin berkata, pada dasarnya perpustakaan digital sudah bermula pada 2002 dan ia dilakukan secara berterusan dengan pelancaran

My Perpustakaan (MyLib).

Beliau berkata, menerusi MyLib, turut membina laman web dan portal berbilang yang di-Pertuan Agong, manakala perpustakaan negeri mempunyai portal masing-masing mengenai Raja Melayu di setiap negeri.

Turut dibina ialah portal sejarah Malaysia yang memperkatakan mengenai tokoh, tempat bersejarah, warisan dan budaya di setiap negeri.

"Semua bahan dihubungkan secara elektronik supaya orang ramai boleh mendapatkan capaian menerusi internet. Secara keseluruhan semua kandungan perpustakaan digital itu boleh dicapai menggunakan teknologi web.

Beliau berkata, PNM turut saling berhubung dengan 20 perpustakaan universiti, 14 perpustakaan awam, 18 perpustakaan akademik (maktub perguruan, kolej dan matrikulasi) dan 48 perpustakaan di jabatan kerajaan.

Raslin berkata, tugas mengumpul semua bahan dalam bentuk digital ini sebenarnya memakan masa yang lama dan ada kala ia tidak dapat dilakukan kerana tertakluk kepada peraturan bahan cetakan.

"Malah, Kongres Perpustakaan di Amerika Syarikat juga sudah memulakan projek mendokumentasikan semua koleksi bahan bercetak kepada elektronik sejak 20 tahun lalu dan sehingga kini masih belum selesai.

"Ini menunjukkan begitu banyak koleksi bahan yang perlu dipindahkan. Dengan ada teknologi ini, orang ramai tidak perlu lagi meminjam buku atau bahan tertentu sebaliknya hanya boleh dibaca menerusi teknologi ini," katanya.

Apa yang menarik, Raslin berkata, kemajuan ICT ini menjadi kaedah peminjaman buku atau bahan lain dilakukan secara talian dan orang ramai juga boleh mengetahui berapa banyak bahan yang sama, tetapi ada di perpustakaan lain.

"Sekiranya bahan yang ingin dipinjam tidak ada di PNM, mereka boleh mendapatkan judul sama di perpustakaan lain. Ini memudahkan orang ramai membuat pinjaman tanpa perlu berkunjung dari perpustakaan ke perpustakaan lain," katanya.

Ketika ini, kira-kira 8,000 naskhah buku tempatan sudah disimpan menerusi teknologi perpustakaan digital.

Sebagai peneraju, PNM akan memastikan projek KIK dapat mengumpul sebanyak mungkin bahan dalam bentuk digital.

Ketika ini, projek rintis sedang dilaksanakan untuk memastikan semua perpustakaan lain di seluruh negara dapat dihubungkan dengan PNM.

Pada masa sama, pengguna boleh memohon membuat pinjaman dan memulangkan buku menerusi talian dan terus dihantar ke rumah menggunakan khidmat pos dengan dikenakan sejumlah kos menerusi kaedah e-pembayaran sebelum dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2011.

Bagaimanapun, Raslin berkata, setiap orang yang ingin meminjam perlu mendaftar sebagai ahli dan ia juga boleh dilakukan dengan mudah dan cepat.

Sehingga ini, kira-kira 820,000 ahli perpustakaan mendaftar dengan PNM di seluruh negara dan sebahagian daripada mereka adalah ahli yang aktif.

Berdasarkan pencapaian dari segi perpustakaan digital, Malaysia dikategorikan sebagai antara yang termaju di rantau ini dan yakin akan mampu menandingi Korea yang begitu hebat dalam bidang berkenaan.

"PNM juga kerap menerima lawatan sambil belajar dan melatih perpustakawan dari luar negara seperti Brunei, Kemboja, Vietnam, Indonesia dan Thailand dalam bidang berkaitan termasuk modul dan sistem pelaksanaan PNM," katanya.